# DANSSAN

**Active:** *ENALAPRIL MALEATE*
**Excipient:** *Calcium CMC, Citric acid, Lactose, Cornstarch, Sodium Edta, Magnesium Stearate*

**Consumer Medicine Information**

## What is in this leaflet

This leaflet answers some common questions about DANSSAN. It does not contain all the available information about this medicine.

It does not take the place of talking to your doctor or pharmacist.

All medicines have risks and benefits. Your doctor has weighed the risks of you taking DANSSAN against the benefits they expect it will have for you.

**If you have any concerns about taking this medicine, ask your doctor or pharmacist.**

**Keep this leaflet with the medicine.**

You may need to read it again.

## What DANSSAN is used for

DANSSAN lowers high blood pressure, which doctors call hypertension. It is also used to treat heart failure.

**Hypertension:**

Everyone has blood pressure. This pressure helps get your blood all around your body. Your blood pressure may be different at different times of the day, depending on how busy or worried you are. You have hypertension (high blood pressure) when your blood pressure stays higher than is needed, even when you are calm and relaxed.

There are usually no symptoms of hypertension. The only way of knowing that you have hypertension is to have your blood pressure checked on a regular basis. If high blood pressure is not treated it can lead to serious health problems. You may feel fine and have no symptoms, but eventually hypertension can cause stroke, heart disease and kidney failure. DANSSAN helps to lower your blood pressure.

**Heart Failure:**

Heart failure means that the heart muscle cannot pump blood strongly enough to supply all the blood needed throughout the body. Heart failure is not the same as heart attack and does not mean that the heart stops working.

Heart failure may start off with no symptoms, but as the condition progresses, patients may feel short of breath or may get tired easily after light physical activity such as walking. Some patients may wake up short of breath at night. Fluid may collect in different parts of the body, often first noticed as swollen ankles and feet.

DANSSAN helps to treat heart failure, whether you have symptoms or not. In many patients with heart failure who have symptoms, DANSSAN may slow the progression of heart failure and reduce the need to go to hospital as a result of heart failure. DANSSAN may help some of these patients live longer.

In many patients with heart failure who have no symptoms, DANSSAN may help to stop the heart muscle from getting weaker. DANSSAN may also slow down the development of symptoms, such as shortness of breath, tiredness after light physical activity, or swelling of the ankles and feet. These patients may be less likely to have hospital stays due to heart failure.

By taking DANSSAN, heart failure patients may have less chance of having a heart attack.

When used to treat heart failure, DANSSAN is almost always used with other medicines called diuretics or fluid tablets. These medicines help the kidney get rid of excess fluid from the body.

### *How DANSSAN works*

One of the ways DANSSAN helps lower blood pressure and treat heart failure is that it widens blood vessels. This means that blood is able to pass through them more easily and

the heart doesn't have to pump as hard to move blood around the body. This also means that when you place extra demands on your heart, such as during exercise, the heart may cope better so you may not get short of breath as easily.

DANSSAN belongs to a group of medicines called Angiotensin Converting Enzyme (ACE) inhibitors.

Your doctor may prescribe DANSSAN for another reason. Ask your doctor if you have any questions about why DANSSAN has been prescribed for you.

DANSSAN is not addictive.

## Before you take DANSSAN

### *When you must not take it*

**Do not take DANSSAN if:**

- **you have taken any other 'ACE Inhibitor' medicines for high blood pressure or heart failure before, which caused your face, lips, tongue, throat, hands or feet to swell up, or made it hard for you to breathe.**

If you have had an allergic reaction to an ACE inhibitor before, you may be allergic to DANSSAN.

- **you have an allergy to DANSSAN, or other brands of enalapril maleate, or any of the ingredients listed at the end of this leaflet**

Symptoms of an allergic reaction to DANSSAN or other brands of enalapril maleate may include skin rash, itchiness, shortness of breath, swelling of the face, lips or tongue, muscle pain or tenderness or joint pain.

- **you have a history of swelling of the face, lips, tongue, throat, hands or feet, or no apparent reason.**

**Do not take DANSSAN if you are pregnant or breast-feeding.**

Your baby may absorb this medicine in the womb or from breast milk and therefore there is a possibility of harm to the baby.

**Do not take DANSSAN if:**

- **the packaging is torn or shows signs of tampering* the expiry date on the pack has passed.**

If you take this medicine after the expiry date has passed, it may not work.

**If you are not sure whether you should start taking DANSSAN, talk to your doctor.**

### *Before you start to take it*

**Tell your doctor if:**

**1. you are or intend to become pregnant or intend to breast-feed**

DANSSAN should not be used during pregnancy or while breast-feeding.

**2. you have any medical conditions, especially the following:**

- kidney disease, or are undergoing dialysis
- diabetes
- heart problems

**3. you have recently suffered from excessive vomiting or diarrhea**

**4. you are following a very low salt diet**

**5. you have had an allergy to any other medicines or any other substances, such as foods, preservatives or dyes.**

**If you have not told your doctor about any of the above, tell them before you take any DANSSAN.**

### *Taking other medicines*

**Tell your doctor if you are taking any other medicines, including medicines that you buy without a prescription from your pharmacy, supermarket or health food shop.**

**Some medicines and DANSSAN may interfere with each other. These include:**

- diuretic tablets - also called fluid or water tablets
- lithium, a medicine used to treat mood swings and some types of depression
- potassium tablets or potassium-containing salt substitutes
- potassium-sparing agents (e.g.spironolactone, eplerenone, triamterene, amiloride)
- non-steroidal anti-inflammatory medicines (NSAIDs or Coxibs/COX-2 inhibitors), used to relieve pain, swelling and other symptoms of inflammation
- arthritis medicines including gold therapy
- insulin or oral antidiabetic medicines. You should be closely monitored for low blood glucose levels, especially during the first month of treatment with DANSSAN.

These medicines may be affected by DANSSAN, or may affect how well it works. You may need to take different amounts of your medicine, or you may need to take different medicines.

Your doctor or pharmacist has more information on medicines to avoid while taking DANSSAN.

## How to take DANSSAN

### *How much to take*

**Your doctor will tell you how many tablets you need to take each day. This depends on your condition and whether you are taking other medicines. Take DANSSAN only when prescribed by your doctor.**

**For high blood pressure:**

For most patients, the usual starting dose is 5 mg taken once a day. Some patients may need a lower starting dose. The dose may need to be increased depending on your blood pressure. Most patients take between 10 to 40 mg each day.

**For heart failure:**
The usual starting dose is 2.5 mg taken once a day. Depending on your response, this dose may need to be increased up to 20 mg each day.

This dose may be taken once a day or divided into two doses per day.

**Follow all directions given to you by your doctor carefully.** They may differ from the information contained in this leaflet.

**If you do not understand the instructions on the box, ask your doctor or pharmacist for help.**

### *How to take it*

**Take your DANSSAN at about the same time each day.**

Taking your tablet(s) at the same time each day will have the best effect. It will also help you remember when to take the tablets.

It does not matter if you take DANSSAN before or after food.

**Swallow DANSSAN with a glass of water.**

### *How long to take it*

DANSSAN helps control your high blood pressure and helps improve your heart failure, but does not cure it. Therefore DANSSAN must be taken every day. Continue taking DANSSAN for as long as your doctor prescribes.

### *If you forget to take it*

**If it is almost time for your next dose, skip the dose you missed and take your next dose when you are meant to. Otherwise, take it as soon as you remember, and then go back to taking your tablet(s) as you would normally.**

**If you are not sure whether to skip the dose, talk to your doctor or pharmacist.**

**Do not take a double dose to make up for the dose that you missed.**

**If you have trouble remembering to take your tablets, ask your pharmacist for some hints.**

### *If you take too much (overdose)*

**Immediately telephone your doctor or go to accident and emergency at your nearest hospital, if you think that you or anyone else may have taken too much DANSSAN. Do this even if there are no signs of discomfort or poisoning.**

If you take too many tablets, you will probably feel light-headed or dizzy, or you may faint.

## While you are taking DANSSAN

### *Things you must do*

**Have your blood pressure checked when your doctor says, to make sure DANSSAN is working.**

**If you feel any light-headedness or dizziness after you take your first dose of DANSSAN or if your dose is increased, tell your doctor immediately. This is especially important if you are taking DANSSAN for heart failure.**

**If you feel light-headed, dizzy or faint, get up slowly when getting out of bed or standing up.**

You may feel light-headed or dizzy, especially if you are also taking a diuretic (fluid tablet). This may be because your blood pressure is falling suddenly. Standing up slowly, especially when you get up from bed or chairs, will help your body get used to the change in position and blood pressure. If this problem gets worse or continues, talk to your doctor.

**If you become pregnant while taking DANSSAN, tell your doctor immediately.**

**If you are about to be started on any new medicine tell your doctor and pharmacist that you are taking DANSSAN.**

**If you plan to have surgery (even at the dentist) that needs a general anaesthetic, tell your doctor or dentist that you are taking DANSSAN.**

Your blood pressure may drop suddenly.

**Make sure you drink enough water during exercise and hot weather when you are taking DANSSAN, especially if you sweat a lot.**

If you do not drink enough water while taking DANSSAN, you may faint or feel light-headed or sick.
This is because your blood pressure is dropping suddenly. If you continue to feel unwell, tell your doctor.

**If you have excessive vomiting and/or diarrhoea while taking DANSSAN, tell your doctor.**

This can also mean that you are losing too much water and salt, and may drop your blood pressure too much.

**Go to your doctor regularly for a check-up.**

Your doctor may occasionally do a blood test to check your potassium level in the blood and to see how your kidneys are working.

### *Things you must not do*

**Do not give DANSSAN to anyone else, even if they have the same condition as you.**

### *Things to be careful of*

**Be careful driving or operating machinery until you know how DANSSAN affects you.**

DANSSAN may cause dizziness or light-headedness in some people, especially after the first dose or if the dose is increased. Make sure you know how you react to DANSSAN before you drive a car, operate machinery, or do anything else that could be dangerous if you are dizzy or light-headed. If you drink alcohol, dizziness or light-headedness may be worse.

### *Things that would be helpful for your blood pressure or heart failure*

Some self help measures suggested below may help your condition.
Talk to your doctor or pharmacist about these measures and for more information.

- **Alcohol -** your doctor may advise you to limit your alcohol intake.
- **Diet -** eat a healthy diet which includes plenty of fresh vegetables, fruit, bread, cereals and fish. Also eat less fat and sugar.
- **Exercise -** regular exercise helps to reduce blood pressure and helps the heart get fitter, but it is important not to overdo it. Walking is good exercise, but try to find a route that is fairly flat. Before starting any exercise, ask your doctor about the best kind of programme for you.
- **Salt -** your doctor may advise you to watch the amount of salt in your diet. To reduce your salt intake you should avoid using salt in cooking or at the table.
- **Smoking -** your doctor may advise you to stop smoking or at least cut down.
- **Weight -** your doctor may suggest losing some weight to help lower your blood pressure and help lessen the amount of work your heart has to do. Some people may need a dietician's help to lose weight.

## Side effects

**Tell your doctor or pharmacist as soon as possible if you do not feel well while you are taking DANSSAN.**

DANSSAN helps most people with high blood pressure and heart failure, but it may have

unwanted side effects in a few people. All medicines can have side effects. Sometimes they are serious, most of the time they are not. You may need medical treatment if you get some of the side effects.

**Ask your doctor or pharmacist to answer any questions you may have.**

**Tell your doctor if you notice any of the following and they worry you:**

- light-headedness or dizziness because blood pressure is too low
- headache
- fatigue
- dry cough
- mild stomach upsets such as feeling sick, diarrhoea, or stomach pains
- muscle cramps

These are usually mild side effects of DANSSAN, but may be serious.

**Tell your doctor immediately if you notice any of the following:**

- changes in the way your heart beats, for example, if you notice it beating faster
- fainting
- yellowing of the skin and eyes, also called jaundice
- itchy skin rash or other skin problems
- signs of worrying or frequent infections such as fever, severe chills, sore throat or mouth ulcers
- passing less urine than is normal for you
- signs of dehydration such as nausea, vomiting, muscle cramps, headache, drowsiness and tiredness. If untreated, mental confusion and fits may develop. Your doctor may need to monitor your blood sodium levels.

These may be serious side effects. You may need urgent medical attention. Serious side effects are rare.

**If any of the following happen, stop taking DANSSAN and tell your doctor immediately or go to accident and emergency at your nearest hospital:**

- swelling of the face, lips, mouth or throat which may cause difficulty in swallowing or breathing
- swelling of the hands, feet, or ankles
- pinkish, itchy swellings on the skin, also called hives or nettlerash
- chest pain, angina
- wheeziness due to tightness in the chest
- collapse, numbness or weakness of arms or legs

These are serious side effects. You may need urgent medical attention or hospitalisation.
All of these side effects are rare.

**Other side effects not listed above may also occur in some patients. Tell your doctor if you notice any other effects.**

Do not be alarmed by this list of possible side effects. You may not experience any of them.

## After using DANSSAN

### *Storage*

**Keep your tablets in the blister pack until it is time to take them.**

If you take the tablets out of the blister pack and store them in another container they will not keep well and they may become soft and crumbly.

**DANSSAN Tablets should be kept in a cool dry place where the temperature stays below 25 degrees C.**

**Do not store it or any other medicine in the bathroom or near a sink.**
**Do not leave it in the car or on window sills.**

Heat and dampness can destroy some medicines.

**Keep it where children cannot reach it.**

A locked cupboard at least one-and-a-half metres above the ground is a good place to store medicines.

### *Disposal*

**If your doctor tells you to stop taking DANSSAN or the tablets have passed their expiry date, ask your pharmacist what to do with any that are left over.**

## Product description

### *What it looks like*

DANSSAN comes in two types of tablets:

- DANSSAN 10mg – round, white, 7mm diameter tablet with "DUOMA/DUOMA"

marked on one side and scored on the other side.

- DANSSAN 20mg - round, white, 7mm diameter tablet with “DUO” and “DUO/2”.

A box of DANSSAN contains 30 tablets.

***Ingredients***

Active ingredient:

- DANSSAN 10mg – 10 mg enalapril maleate per tablet
- DANSSAN 20mg - 20 mg enalapril maleate per tablet

## Manufacturer / Distributor

DANSSAN is manufactured and distributed by

**DUOPHARMA (M) SDN. BHD. (42491-M)**
WHOLLY OWNED BY CCM DUOPHARMA BIOTECH BERHAD (524271-W)
Lot. 2599, Jalan Seruling 59, Kawasan 3, Taman Klang Jaya, 41200 Klang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

## Marketing Authorization Holder

**DUOPHARMA (M) SDN. BHD. (42491-M)**
WHOLLY OWNED BY CCM DUOPHARMA BIOTECH BERHAD (524271-W)
Lot. 2599, Jalan Seruling 59, Kawasan 3, Taman Klang Jaya, 41200 Klang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

**Malaysian Registration Numbers:**

DANSSAN 10mg – MAL19986508A
DANSSAN 20mg – MAL19972162A
This leaflet was prepared in December 2011

# DANSSAN

**Bahan Utama:** *Enalapril maleat*
**Tambahan:** *Calcium CMC, Citric acid, Lactose, Cornstarch, Sodium Edta, Magnesium Stearate*

**Risalah Maklumat Ubat Pengguna**

## Kandungan risalah

Risalah ini menjawab beberapa soalan lazim mengenai DANSSAN. Ia tidak mengandungi semua maklumat yang ada mengenainya. Ini tidak bermakna anda tidak perlu mendapatkan nasihat daripada doktor atau ahli farmasi.

Semua ubat mempunyai risiko dan manfaat. Doktor anda telah menimbang risiko dan manfaat yang dijangkakan sebelum anda mengambil DANSSAN.

**JIka anda mempunyai apa-apa kemusykilan tentang pengambilan ubat ini, hubungi doktor atau ahli farmasi anda.**

Simpan risalah ini bersama dengan ubat anda. Anda mungkin perlu membacanya lagi.

## Apakah kegunaan DANSSAN

DANSSAN merawat penyakit tekanan darah tinggi yang juga dipanggil hipertensi. Ia juga digunakan untuk merawat kegagalan jantung.

**Penyakit Tekanan Darah Tinggi (Hipertensi):**

Semua orang mempunyai tekanan darah. Tekanan ini membantu untuk menolak darah ke seluruh badan anda.

Perubahan tekanan darah anda pada siang hari, bergantung kepada kesibukan atau perasaan anda. Anda mempunyai penyakit tekanan darah tinggi (hipertensi) apabila tekanan darah anda kekal lebih tinggi daripada yang diperlukan, walaupun ketika anda di dalam keadaan tenang dan relaks.

Biasanya tiada tanda-tanda atau gejala-gejala yang timbul akibat tekanan darah tinggi. Pemeriksaan tekanan darah yang kerap merupakan satu-satunya cara untuk mengetahui sama ada anda mempunyai tekanan darah tinggi. Jika tekanan darah tinggi tidak dirawat, masalah kesihatan yang serius akan timbul. Anda mungkin berasa sihat dan tiada tanda-tanda penyakit tetapi tekanan darah tinggi boleh menyebabkan strok, strok, sakit jantung dan kegagalan buah pinggang mungkin terjadi.

DANSSAN membantu untuk menurunkan tekanan darah anda.

**Kegagalan Jantung:**

Kegagalan jantung bermakna otot jantung tidak boleh mengepam darah yang mencukupi ke seluruh tubuh. Kegagalan jantung tidak sama seperti serangan jantung dan ini tidak bermakna jantung tersebut berhenti berfungsi.

Kegagalan jantung boleh mula terjadi tanpa sebarang tanda atau gejala, tetapi apabila ianya berlarutan, pesakit mungkin mengalami sesak nafas atau mudah berasa letih selepas melakukan senaman yang ringan seperti berjalan kaki. Sesetengah pesakit mungkin terjaga daripada tidur pada waktu malam akibat sesak nafas. Cecair boleh terkumpul di bahagian-bahagian badan, dan tanda-tandanya yang paling nyata ialah pembengkakan pada pergelangan kaki dan kaki.

DANSSAN membantu untuk merawat kegagalan jantung, sama ada yang mempunyai gejala atau tidak. DANSSAN boleh melambatkan perkembangan kegagalan jantung pada sebilangan besar pesakitnya yang mempunyai gejala dan mengurangkan risiko dimasukkan ke hospital akibat penyakit tersebut. DANSSAN boleh membantu pesakit-pesakit ini hidup lebih lama.

DANSSAN boleh membantu untuk menghalang otot jantung daripada menjadi semakin lemah pada sebilangan besar pesakit kegagalan jantung yang tidak mempunyai gejala. DANSSAN juga boleh melambatkan perkembangan gejala-gejala, seperti sesak nafas, keletihan selepas melakukan aktiviti fizikal yang ringan, atau bengkak pergelangan kaki dan kaki. Pesakit-pesakit ini mempunyai

risiko yang rendah untuk dimasukkan ke hospital akibat penyakit kegagalan jantung.

Dengan pengambilan DANSSAN, pesakit yang kegagalan jantung mempunyai risiko yang rendah untuk mendapat serangan jantung.

DANSSAN selalunya digunakan bersama-sama dengan ubat lain yang dipanggil ubat diuretik, apabila digunakan untuk merawat kegagalan jantung. Ubat diuretik ini membantu buah pinggang menyingkirkan lebihan cecair dari dalam badan.

### *Bagaimana DANSSAN berfungsi*

Salah satu cara ACEPRIL merawat kegagalan jantung adalah dengan membesarkan saluran darah supaya jantung tidak perlu mengepam darah dengan daya yang kuat ke seluruh badan. Ini juga bermakna apabila jantung anda perlu bekerja dengan lebih kuat contohnya ketika melakukan senaman, ia boleh menghadapinya dengan baik dan anda tidak mudah rasa tercungap-cungap.

DANSSAN tergolong di dalam kumpulan ubat yang dipanggil Perencat ACE (Enzim Penukar Angiotensin).

Doktor anda mungkin telah mempreskrip DANSSAN atas sebab-sebab lain. Tanya doktor anda jika anda mempunyai sebarang soalan mengapa DANSSAN dipreskrip untuk anda.

DANSSAN tidak boleh menyebabkan rasa ketagihan.

## Sebelum menggunakan DANSSAN

### *Bila tidak boleh mengambil*

**Jangan mengambil DANSSAN jika:**

- **anda telah mengambil mana-mana ubat di dalam kumpulan perencat ACE untuk merawat tekanan darah tinggi atau kegagalan jantung sebelum ini, yang menyebabkan pembengkakan pada muka, bibir, lidah, tekak, tangan atau kaki anda, atau membuatkan anda sukar bernafas.**

  Jika anda pernah mengalami tindak balas alahan terhadap ubat perencat ACE, anda mungkin akan alah terhadap DANSSAN.

- **anda pernah alah terhadap DANSSAN atau sebarang ubat yang mengandungi enalapril atau sebarang bahan kandungan yang disenaraikan pada penghujung risalah ini**

  Tanda-tanda tindakbalas alahan terhadap DANSSAN atau sebarang ubat yang mengandungi enalapril termasuklah ruam kulit, kulit gatal-gatal, sukar bernafas, pembengkakan pada muka, bibir, atau lidah, sakit pada bahagian abdomen, sakit atau lemah otot, atau sakit sendi.

- **anda mempunyai sejarah pembengkakan muka, tekak, lidah, tangan atau kaki tanpa sebab.**

**Jangan mengambil DANSSAN jika anda hamil atau sedang menyusukan bayi.**

Ubat ini boleh meresap masuk ke dalam susu ibu atau rahim dan berkemungkinan boleh menjejaskan bayi atau janin anda.

**Jangan mengambil DANSSAN jika:**

- **pembungkusannya telah terkoyak atau ada tanda-tanda ianya telah dibuka atau selepas tarikh luput yang dicetak pada pek pembungkusan.**

  Jika diambil selepas tamat tarikh luput, ia mungkin tidak berkesan.

**Jika anda tidak pasti sama ada anda harus mula mengambil DANSSAN, tanya doktor anda.**

### *Sebelum Mula Mengambil*

**Maklumkan kepada doktor jika:**

**1. anda merancang untuk hamil atau merancang untuk menyusukan bayi**

DANSSAN tidak boleh digunakan ketika hamil atau semasa menyusukan bayi.

**2. anda mempunyai sebarang penyakit, terutamanya yang berikut:**

- penyakit buah pinggang, atau sedang menjalani rawatan hemodialisis
- kencing manis
- penyakit jantung

**3. anda baru-baru ini telah mengalami masalah muntah-muntah atau cirit-birit yang berlebihan**

**4. anda sedang mengikuti program pengambilan garam yang sangat rendah**

**5. anda alah terhadap sebarang ubat-ubatan, makanan, bahan pewarna atau pengawet.**

**Jika anda belum memaklumkan perkara tersebut kepada doktor anda, maklumkan segera sebelum mula mengambil DANSSAN.**

### *Jika mengambil ubat-ubatan lain*

**Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi anda jika anda ada mengambil sebarang ubat, termasuk ubat yang boleh diperolehi tanpa preskripsi di kedai farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan.**

**Sesetengah ubat dan DANSSAN boleh bertindakbalas antara satu sama lain. Ini termasuklah:**

- ubat diuretik (bertindak membuang air yang berlebihan dalam tubuh)
- lithium, ubat untuk penyakit murung dan emosi
- tablet kalium tambahan atau pengganti garam yang mengandungi kalium
- ubat potassium-sparing diuretik (contohnya spironolactone, eplerenone, triamterene, amiloride)
- ubat anti-radang bukan steroid (NSAID atau perencat Coxibs/COX-2), ubat untuk tahan sakit, bengkak dan tanda-tanda radang yang lain.
- Ubat artritis termasuk terapi emas
- insulin atau ubat oral antidiabetik. Anda perlu dipantau jika paras glukosa dalam darah menjadi rendah, terutamanya pada bulan pertama rawatan dengan DANSSAN.

Ubat-ubatan ini boleh terjejas disebabkan oleh DANSSAN atau mungkin menjejaskan kesan DANSSAN. Anda mungkin memerlukan sukatan ubat yang berbeza atau mengambil ubat-ubatan yang lain.

Doktor atau ahli farmasi anda mempunyai lebih banyak maklumat tentang ubat yang perlu diberi perhatian atau perlu dielakkan ketika mengambil DANSSAN.

## Cara menggunakan DANSSAN

### *Berapa banyak perlu diambil*

**Doktor anda akan menentukan dos DANSSAN yang sesuai untuk anda. Dos ini mungkin ditambah bergantung kepada keadaan anda dan ubat-ubatan lain yang anda ambil. Ambil ubat DANSSAN mengikut arahan doktor anda.**

**Untuk Tekanan darah tinggi:**

Bagi kebanyakan pesakit, dos permulaan yang biasa ialah 5 mg diambil sekali sehari. Sesetengah pesakit mungkin memerlukan dos permulaan yang lebih rendah. Dos tersebut boleh ditingkatkan bergantung kepada bacaan tekanan darah anda. Kebanyakan pesakit mengambil dos di antara 10 hingga 40 mg setiap hari,

**Untuk Kegagalan jantung:**

Dos permulaan yang biasa ialah 2.5 mg diambil sekali sehari.
Dos tersebut boleh ditingkatkan sehingga 20 mg sehari, bergantung kepada bacaan tekanan darah anda.

Dos ini boleh diambil sekali sehari atau dibahagikan kepada dua dos sehari.
**Patuhi semua arahan yang telah diberikan oleh doktor anda dengan teliti**. Ia mungkin berbeza dengan maklumat yang terdapat di dalam risalah ini.

**Jika anda tidak faham arahan yang dinyatakan pada pek, minta bantuan doktor atau ahli farmasi anda.**

### *Bagaimana cara untuk mengambil*

**Ambil DANSSAN pada masa yang sama setiap hari.**

Mengambil ubat pada masa yang sama setiap hari akan memberikan kesan yang terbaik. Ia juga akan membantu anda mengingati waktu pengambilan ubat.

Anda boleh mengambil DANSSAN sebelum atau selepas makan.

**Telan tablet DANSSAN sepenuhnya dengan air yang banyak.**

### *Berapa lama perlu mengambil*

DANSSAN membantu mengawal tekanan darah tinggi dan membantu menambah baik kegagalan jantung, tetapi tidak menyembuhkannya. Oleh itu, DANSSAN mesti diambil setiap hari.

Jangan berhenti mengambil ubat anda tanpa merujuk pada doktor.

### *Jika terlupa mengambil*

**Jika masa untuk dos seterusnya hampir tiba, langkau dos yang tertinggal tersebut dan ambil dos yang seterusnya. Jika tidak, ambil sebaik anda teringat, dan seterusnya ambil tablet anda mengikut masa yang sepatutnya.**

**Jika anda tidak pasti sama ada perlu melangkau dos tersebut, hubungi doktor atau ahli farmasi anda.**

**Jangan gandakan dos untuk menggantikan dos anda yang tertinggal sebelumnya.**
**Jika anda mempunyai masalah untuk mengingati waktu pengambilan ubat anda, dapatkan cara untuk mengatasinya daripada ahli farmasi anda.**

### *Jika mengambil berlebihan (Terlebih dos)*

**Hubungi doktor anda dengan segera melalui panggilan telefon atau kunjungi hospital yang berdekatan jika anda fikir anda atau orang lain telah mengambil DANSSAN secara berlebihan. Lakukan perkara tersebut sekalipun tiada tanda-tanda ketidakselesaan atau keracunan.**

Jika anda mengambil terlalu banyak tablet DANSSAN, anda akan berasa pening, ringan kepala atau pitam.

## SEMASA MENGGUNAKAN DANSSAN

### *Perkara yang perlu dilakukan*

**Periksa tekanan darah anda seperti yang diarahkan oleh doktor untuk mengetahui keberkesanan DANSSAN.**

**Maklumkan kepada doktor jika kepala anda terasa ringan atau pening selepas mengambil dos pertama DANSSAN atau selepas dos anda ditingkatkan, terutamanya jika anda mengambil DANSSAN untuk merawat kegagalan jantung.**

**Jika anda berasa pening atau pitam apabila hendak bangun daripada tidur atau hendak berdiri, lakukannya secara perlahan-lahan.**

Anda mungkin akan berasa pening, terutamanya jika anda mengambil ubat diuretik. Ini adalah akibat penurunan tekanan darah anda berlaku secara mendadak. Bangun secara perlahan-lahan, terutamanya ketika hendak bangun dari tidur atau dari kerusi. Ini boleh membantu badan anda menyesuaikan keadaan ketika berlaku perubahan posisi dan tekanan darah. Jika masalah ini berterusan atau bertambah teruk, laporkan kepada doktor anda.

**Jika anda telah hamil ketika mengambil DANSSAN, laporkan kepada doktor dengan segera.**

**Jika anda akan mula mengambil ubat-ubatan lain, maklumkan kepada doktor dan ahli farmasi anda bahawa anda sedang mengambil DANSSAN.**

**Jika anda merancang untuk menjalani pembedahan, (walaupun dengan doktor gigi) yang memerlukan penggunaan ubat bius, maklumkan kepada doktor atau doktor gigi bahawa anda sedang mengambil ubat DANSSAN.**

Tekanan darah anda boleh turun secara mendadak ketika pembedahan.

**Pastikan anda minum air yang mencukupi semasa bersenam dan sewaktu hari panas ketika anda mengambil DANSSAN, terutamanya jika anda banyak berpeluh.**

Jika anda tidak minum air yang mencukupi ketika mengambil TRIPRIL, anda mungkin berasa pitam atau ringan kepala atau loya.
Ini disebabkan oleh penurunan tekanan darah dengan banyak. Jika anda terus berasa tidak sihat, maklumkan kepada doktor anda.

**Jika anda muntah dan/atau cirit-birit dengan teruk semasa mengambil DANSSAN, laporkan kepada doktor anda.**

Ini bermakna anda kehilangan air dan garam yang banyak dari dalam badan dan tekanan darah turun dengan mendadak.

Jumpa doktor anda secara berkala untuk menjalani pemeriksaan kesihatan.

Doktor anda mungkin sesekali akan melakukan ujian darah untuk memeriksa tahap kalium dalam darah anda dan memastikan buah pinggang anda dalam keadaan baik.

### *Perkara yang tidak boleh dilakukan*

**Jangan beri DANSSAN kepada orang lain walaupun penyakit mereka sama seperti anda.**

### *Perkara yang perlu diberi perhatian:*

**Berhati-hati ketika memandu kenderaan atau mengendalikan mesin sehingga anda merasai kesan DANSSAN terhadap anda.**

DANSSAN boleh menyebabkan rasa pening, keletihan, atau rasa mengantuk pada sesetengah pesakit. Pastikan anda tahu kesan DANSSAN terhadap anda sebelum memandu kenderaan, mengendali mesin atau melakukan perkara-perkara yang boleh membahayakan ketika anda rasa pening. Jika anda mengambil minuman alkohol, rasa pening anda akan bertambah teruk.

### *Perkara yang boleh membantu mengawal penyakit darah tinggi atau kegagalan jantung anda.*

Beberapa kaedah di bawah boleh membantu keadaan anda. Doktor atau , ahli farmasi anda boleh memberikan maklumat lanjut mengenai kaedah ini.

- **Alkohol:** Doktor anda akan menasihati anda untuk menghadkan pengambilan alkohol.
- **Pemakanan** – makan makanan secara sihat termasuklah banyakkan memakan sayur-sayuran, buah-buahan, roti, bijirin dan ikan. Kurangkan juga makanan berlemak dan gula.
- **Senaman**: Senaman yang kerap membantu menurunkan tekanan darah tinggi dan menguatkan jantung. Jangan lakukan senaman dengan keterlaluan.

  Berjalan kaki adalah senaman yang baik, tetapi cuba lakukannya di jalan yang rata. Dapatkan nasihat doktor sebelum memulakan senaman untuk mengetahui senaman yang paling sesuai untuk anda.
- **Garam:** Doktor anda akan menasihatkan anda untuk mengawal jumlah garam dalam makanan anda. Elakkan penggunaan garam dalam masakan anda.
- **Merokok:** Doktor akan menasihatkan anda untuk berhenti merokok atau mengurangkannya.
- **Berat badan:** Doktor anda akan menyarankan anda supaya menurunkan berat badan. Sesetengah pesakit mungkin memerlukan pakar pemakanan untuk merancang diet yang sesuai untuk membantu menurunkan berat badan.

## Kesan-kesan sampingan

**Laporkan segera kepada doktor atau ahli farmasi jika anda berasa tidak sihat ketika mengambil DANSSAN.**

DANSSAN membantu mengawal penyakit pada kebanyakan pesakit yang menghidap tekanan darah tinggi dan kegagalan jantung, tetapi ia mungkin boleh menyebabkan kesan sampingan yang tidak diingini pada sesetengah daripada mereka. Semua ubat-ubatan mempunyai kesan sampingan. Kadang kala ianya serius, tetapi selalunya tidak. Anda perlu mendapatkan rawatan perubatan jika anda mengalami kesan-kesan sampingan tersebut.

**Tanya doktor atau ahli farmasi untuk menjawab sebarang soalan anda.**

**Laporkan kepada doktor jika anda mengalami kesan sampingan berikut dan ianya membimbangkan anda:**

- kepala rasa ringan atau pening disebabkan tekanan darah terlalu rendah
- sakit kepala
- lesu
- batuk tanpa kahak
- gangguan perut seperti rasa loya, cirit-birit, atau sakit perut
- kekejangan otot

Kesan-kesan sampingan di atas selalunya kesan ringan DANSSAN, tetapi boleh menjadi serius.

**Laporkan kepada doktor anda dengan segera jika anda mengalami keadaan berikut:**

- denyutan jantung berubah contohnya denyutan semakin pantas
- pengsan
- kulit atau mata menjadi kuning (jaundis),
- kulit beruam dan gatal atau lain-lain masalah kulit
- tanda-tanda jangkitan yang kerap berlaku seperti demam, seram sejuk, sakit tekak atau ulser mulut
- kurang buang air kecil berbanding biasa
- tanda-tanda ternyahhidrat seperti loya, muntah-muntah, kekejangan otot, sakit kepala, rasa mengantuk dan keletihan. Jika tidak dirawat, kekeliruan mental dan sawan boleh berlaku. Doktor anda mungkin perlu memantau kadar natrium dalam darah anda.

Kesan-kesan sampingan tersebut adalah serius. Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan dengan segera. Kesan-kesan sampingan yang serius jarang berlaku.

**Jika anda mengalami keadaan berikut, hentikan pengambilan DANSSAN dan laporkan kepada doktor anda dengan segera atau kunjungi unit kecemasan di hospital yang berdekatan:**

- bengkak pada muka, bibir, mulut atau tekak yang menyebabkan sukar bernafas atau menelan.
- bengkak pada tangan, pergelangan kaki atau kaki
- kulit beruam, bengkak-bengkak dan gatal
- sakit dada (angina)
- nafas berdehit disebabkan akibat sesak dada
- terjatuh, kebas atau lemah tangan atau kaki

Kesan-kesan sampingan tersebut adalah serius. Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan atau dimasukkan ke hospital dengan segera. Semua kesan-kesan sampingan tersebut amat jarang berlaku.

**Kesan-kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan di atas juga mungkin berlaku pada sesetengah pesakit.**

**Beritahu doktor jika anda mendapati sebarang kesan sampingan yang lain.**

Jangan berasa cemas dengan kesan-kesan sampingan yang disenaraikan. Anda mungkin tidak mengalami sebarang kesan sampingan tersebut.

## Selepas menggunakan DANSSAN

### *Penyimpanan*

**Simpan ubat tablet anda di dalam pek asal sehingga tiba masa untuk menggunakannya.**

Jika anda mengeluarkan tablet daripada pek asalnya, ia tidak tersimpan dengan sempurna dan ianya boleh menjadi lembut dan rapuh.

**Simpan ubat anda di tempat kering dan sejuk pada suhu di bawah 25°C.**

**Jangan menyimpan DANSSAN dan ubat-ubatan anda di dalam bilik air atau berdekatan sinki. Jangan tinggalkannya di dalam kereta atau ditepi tingkap.**

Haba dan kelembapan boleh merosakkan ubat.

**Jauhkan ubat daripada capaian kanak-kanak.**

Simpan ubat di dalam almari berkunci yang terletak sekurang-kurangnya satu setengah meter tinggi.

### *Pelupusan*

**Jika doktor anda mengarahkan anda berhenti mengambil DANSSAN, atau sudah tamat tarikh luputnya, hubungi ahli farmasi anda untuk mengetahui apa yang perlu dilakukan terhadap baki tersebut.**

## Deskripsi produk

### *Rupa dan warna*

DANSSAN boleh diperolehi di dalam 2 jenis kekuatan:

- DANSSAN 10mg – tablet putih berbentuk bulat, diameter 7 mm, dengan tanda “DUOMA/DUOMA” pada satu permukaan dan bergarisan tengah pada satu permukaan lagi.

- DANSSAN 20mg - tablet putih berbentuk bulat, diameter 7 mm, dengan tanda “DUO” dan “DUO/2”.

Setiap kotak DANSSAN mengandungi 30 biji tablet.

### *Kandungan*

Bahan aktif:

- Setiap tablet DANSSAN 10mg mengandungi 10 mg enalapril maleat.
- Setiap tablet DANSSAN 20mg mengandungi 20 mg enalapril maleat.

## Pengilang / Pengedar

DANSSAN dikilangkan dan diedarkan di Malaysia oleh:

**DUOPHARMA (M) SDN. BHD. (42491-M)**
WHOLLY OWNED BY CCM DUOPHARMA BIOTECH BERHAD (524271-W)
Lot. 2599, Jalan Seruling 59, Kawasan 3, Taman Klang Jaya, 41200 Klang,
Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

## Pemegang Pendaftaran

**DUOPHARMA (M) SDN. BHD. (42491-M)**
WHOLLY OWNED BY CCM DUOPHARMA BIOTECH BERHAD (524271-W)
Lot. 2599, Jalan Seruling 59, Kawasan 3, Taman Klang Jaya, 41200 Klang,
Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

**Nombor Pendaftaran:**

DANSSAN 10mg – MAL19986508A

DANSSAN 20mg – MAL19972162A

Tarikh risalah ini disediakan:
Disember 2011